

PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Kajian yang dilakukan sarjana Barat tentang ketimuran, terutama Islam dan peradabannya, mencakupi berbagai bidang, di antara mereka ada yang memusatkan kajiannya pada penelitian al-Quran, Hadith, sejarah Islam, Usul Fiqh, Fiqh, Teologi, Filsafat, Bahasa dan Sastra, dan juga kemasyarakatan. Secara umumnya, apabila disebut sarjana Barat maka secara automatik ia memiliki dua sisi yang saling bertentangan secara diametral iaitu sama ada negatif atau positif.

Dengan memahami dan mempelajari tokoh-tokohnya serta penerbitannya, kita akan sampai pada suatu kesimpulan yang jelas sehingga dapat membezakan antara sarjana Barat yang berpewatakan nakal, licik dan berbahaya serta sarjana Barat yang jujur dan objektif dalam meneliti dunia Timur. Memang kedapatan di antara mereka yang memiliki pandangan yang bias terutama terhadap Islam dan sebahagian lagi bersikap objektif.

Oleh itu, pengkajian yang dilakukan Hooker ini telah menampakkan motif sebenar beliau terhadap adat Melayu. Pandangan bias beliau di dalam karyanya 'Islamic Law in South-East Asia' itu melambangkan identitinya sebagai penjajah Barat di dalam membahaskan kedudukan adat serta syariah Islam. Malang sekali pemikiran mereka ini sudah meresap ke dalam minda bangsa Melayu apabila kedapatan di kalangan bangsa kita sendiri dengan tuntasnya mendakwa Adat Perpatih tersebut bertentangan dengan Islam.

Justeru apa yang pengkaji perhatikan Hooker berpendapat bahawa Adat Perpatih ini secara terang-terang adalah bertentangan dengan Islam dengan menfokuskan kepada isu sistem pewarisan harta pusaka, sistem perbilangan dan juga sistem perlembagaan.

Oleh itu, pengkaji dapati banyak kekeliruan dan ketidakfahaman yang telah berlaku berhubung dengan isu ini. Secara lantasnya pandangan negatif yang didakwa oleh segelintir pihak termasuk Hooker sendiri mengakibatkan kedudukan syariah Islam menjadi bahan perbahasan sehingga sekarang.

5.2 DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati, adat merupakan satu budaya penting dalam kehidupan masyarakat, sementara Islam pula adalah pelengkap kepada kehidupan tersebut. Kedua-dua unsur ini memang tidak dapat di pisahkan antara satu sama lain dan dapat dijadikan asas dalam penetapan hukum berlatarkan realiti dan mentaliti tempatan. Di bawah ini pengkaji kemukakan:-

i. Hubungan antara Konsep Adat Menurut Persepsi Melayu, Syariah dan Barat

Secara keseluruhannya, dapat di simpulkan bahawa ketiga-tiga perspektif ini menunjukkan kontradiksi yang berbeza yang membawa kepada tiga pertembungan. Pertama, pertembungan yang melibatkan aliran adat menurut perspektif Melayu dan juga menurut perspektif Islam. Secara jelasnya, pertembungan antara kedua perspektif ini menghasilkan keterikatan yang erat antara adat dan syarak sehingga membawa kepada berlakunya Islamisasi adat Melayu seperti mana yang telah pengkaji huraikan

pada bab kedua.

Seterusnya, bagi pertembungan kedua dan ketiga yang melibatkan adat menurut perspektif Melayu dan Barat serta adat menurut perspektif Barat dan syariah Islam jelas menunjukkan bahwa tiada kesalingkaitan antara kedua-duanya. Adat dari kaca mata barat didasari oleh paradigma sekular, sedangkan adat dari kaca mata melayu dan Islam adalah hasil interaksi makhluk manusia dengan alam sekeliling yang berpaksikan keluhuran akal fikiran bersandarkan wahyu Ilahi atau paradigma Tauhid iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Jadi konsep adat yang diutarakan oleh barat adalah tidak tepat dan penuh dengan pemikiran eurocentrism.

ii. **Penghasilan Karya Utama MB Hooker 'Islamic Law In South-East Asia'**

Penglibatan sarjana Barat iaitu MB Hooker telah memberi impak yang besar di dalam adat Melayu. Beliau merupakan tokoh adat pada zaman moden sekarang yang meneruskan kajian daripada sarjana-sarjana Barat lain antaranya Francis Light, William Marsden, Thomas Stamford Raffles, James Richardson Logan dan William Maxwell. Karya beliau iaitu *Islamic Law In South-East Asia* merupakan salah satu karya yang penting kerana pengkaji berpandangan suatu penghasilan karya yang dilakukan barat perlu untuk di analisis semula dengan menggunakan pendekatan tertentu. Hal ini kerana memandangkan adat Melayu ini sering disalahfahamkan oleh kebanyakan para sarjana.

Hasil dari perbandingan dan penelitian pengkaji terhadap metodologi pemikiran tokoh sarjana Barat terdahulu seperti R.J. Wilkinson, E.N.Taylor, Jessolin de Jong dan Moshe Yegar, pengkaji mendapati pendekatan kesemua tokoh tersebut adalah sama, memandangkan ketiga-tiga tokoh tersebut merupakan pencetus kepada ideologi Hooker dalam menilai pengaruh adat dalam syariah Islam. Hasilnya, pemikiran Hooker menjurus kepada pendekatan *teori receptio in complexu dan teori receptie*. Jadi untuk

mencabar teori ini, pengkaji akan mengaplikasikan penggunaan *teori receptie exit* dan *teori receptie a contratio*.

Di sini pengkaji kemukan teori-teori adat Melayu dan tahap interaksi antara adat dan syariah. Antaranya:-

Terdapat lima teori asas dalam adat Melayu

- a) Teori Reception in Complexu
- b) Teori Receptie
- c) Teori Receptie Exit
- d) Teori Receptie A Contrario
- e) Teori Eksistensi

Teori dan Tahap Interaksi Antara Adat Dengan Syariah

i. Teori Interaksi Antara Adat Dengan Syariah

Terdapat tiga pandangan utama dalam proses interaksi antara syariah dengan adat (dalam bentuk norma undang-undang) di Nusantara:

Pertama: Pandangan yang longgar di mana sistem adat menurut pengaruh agama. Pandangan ini dipelopori oleh L.W.C. Van Den Berg sekitar tahun 1845-1925. Beliau mengemukakan *teori receptio de complexu*. Teori ini menekankan hukum peribumi (undang-undang adat) menurut agama kerana jika memeluk sesuatu agama, harus juga mengikut hukum-hukum agama itu dengan setia. Bangsa Hindu dari Hukum Hindu, kaum Islam dari hukum Islam dan kaum Kristian dari hukum Kristian. Ringkasnya, hukum adat menurut agama yang dipeluk dan penyimpangan-penyimpangannya.

Kedua: Pandangan sempit yang menafikan peranan dan pengaruh syariah. Pendapat ini merupakan pandangan majoriti sarjana Barat dan pengikut mereka. Golongan ini menolak pandangan pertama dan mengemukakan *teori receptie* di mana adat tidak terpengaruh dengan agama ataupun syariah sebaliknya adat peribumi berjalan dengan sendiri. Dengan kata lain, adat peribumi tidak diserapi dan dipengaruhi oleh syariah dan ia dengan sendirinya menjadi norma hukum tanpa campur tangan syariah. Hukum Islam boleh diterima sebagai hukum sekiranya diterima ke dalam hukum adat bergantung kepada kesediaan masyarakat adat setempat. Teori ini menerima adat sebagai sumber undang-undang mutlak. Pandangan ini dipelopori oleh Christian Snouck Hurgronje, Cornelis van Vollenhoven, dan kebanyakan sarjana Nusantara.

Secara rumusannya, pengkaji berpandangan kategori ini termasuk Hooker sekali apabila beliau cuba mendakwa kesahihan akan adat Melayu dan Islam. Bagi kategori ini, kesemua sarjana Barat mempunyai niat yang sama terhadap syariah Islam. Hal ini disebabkan mereka tidak mahu masyarakat Islam berpegang kuat kepada ajaran dan hukum Islam kerana dikhuatiri akan menyulitkan mereka bagi mempengaruhi budaya barat terhadap pemikiran masyarakat Islam. Oleh itu teori itu sama sekali bertentangan dengan yang pertama iaitu *teori receptio in complexu*.

Ketiga: Pandangan sederhana di mana adat menerima pengaruh dan menseserai dengan syariah. Pandangan ini memperakui peranan syariah dalam mengatur urusan kehidupan harian masyarakat. Teori pertama *teori receptio exit* dikemukakan oleh Hazairin. Beliau menolak pandangan golongan kedua, manakala teori kedua *teori receptio de contrario* dilontarkan oleh pelajar Hazairin iaitu Sajuti Thalib. Beliau menolak pandangan Van Den Berg dan menegaskan hukum adat perlu diukur dengan Islam yang mana hukum atau upacara berlaku kalau tidak bertentangan dengan hukum Islam.

Senario yang sama juga berlaku di Tanah Melayu, di mana golongan pentadbir orientalis barat menafikan pengaruh syariah dalam adat kebiasaan masyarakat setempat. Sebaliknya menuduh adat yang mempengaruhi pelaksanaan syariah. Sikap negatif ini menerima bias daripada aktiviti orientalis Belanda di Indonesia. Pandangan ini dapat dilihat dalam penulisan R.J. Wilkinson, E.N. Taylor, Jessolin de Jong dan Moshe Yegar. R.J. Wilkinson mendakwa orang Melayu tidak harmoni dengan doktrin Islam yang diikuti dan beliau menafikan pengaruh syariah dalam adat yang mengatur kehidupan masyarakat.

Begitu juga Taylor, Jessolin de Jong dan Moshe Yegar yang berpandangan bahawa hukum Islam diubah-ubah dan dicampuradukkan oleh penduduk setempat. Kebanyakan pengkaji barat cenderung untuk menyalahkan pengamalan syariah terutamanya dalam pembahagian pusaka dalam Adat Perpatih dan sistem Harta Sepencarian dalam budaya masyarakat Melayu.

Manakala, bagi pandangan sederhana yang dipelopori oleh Ahmad Ibrahim dan Abdul Majeed Mackeen yang berpendapat bahawa syariah Islam telah memperakui adat sebagai salah satu sumber perundangan Islam. Kesannya, syariah Islam akan bertoleransi dan berasimilasi dengan corak hidup masyarakat tempatan.

Jelas, berdasarkan teori-teori dan pandangan para sarjana yang bervariasi, kehadiran Islam ke Alam Melayu dan penerimaannya sebagai satu cara hidup tidak berlaku secara serentak, sebaliknya terpaksa berhadapan dengan cara hidup masyarakat tempatan yang beragam dan serangan licik golongan orientalis yang berselindung sebagai pentadbir penjajah. Kesukaran ini berjaya dihadapi oleh Islam dan masyarakat tempatan melalui hubungan yang berperingkat sama ada secara makro ataupun mikro.

Oleh itu, satu rumusan dapat dibuat bahawa pemikiran Hooker termasuk dalam kategori *teori receptio in complexu* iaitu apabila beliau cuba mengaitkan antara undang-undang adat dengan undang-undang Islam. Bagi masyarakat Islam umumnya, hukum

Islam itu akan berlaku secara menyeluruh bagi mereka yang memeluk Islam walaupun dalam pelaksanaannya terdapat penyimpangan. Di samping itu, Hooker juga menggunakan *teori receptie* apabila beliau cuba mendakwa kesahihan akan adat Melayu dan syariah Islam. Bagi kategori ini, kesemua sarjana Barat mempunyai niat yang sama terhadap syariah Islam. Hal ini disebabkan mereka tidak mahu masyarakat Islam berpegang kuat kepada ajaran dan hukum Islam kerana dikhuatiri akan menyulitkan urusan mereka serta mempengaruhi budaya barat dalam pemikiran masyarakat Islam.

Jadi untuk menyangkal dakwaan Hooker ini, pengkaji akan mengaplikasikan *teori receptie exit*, *teori receptie a contrario* dan juga *teori eksistensi*. Kesemua teori ini digunakan bagi menyangkal dakwaan Hooker yang mengatakan sistem perundangan adat itu secara terang-terang bertentangan dengan Islam. Sebenarnya peranan syariah Islam itu saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain dalam adat Melayu.

Manakala dalam *teori receptie a contrario* pengkaji berpendapat bahawasanya hukum adat itu boleh digunakan selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum Islam. Sebagai contoh masyarakat hukum adat mengkehendaki agar soal-soal warisan dan perkahwinan diadakan berdasarkan hukum Islam. Jadi apabila terdapat hukum adat di sana, maka ia boleh sahaja dipakai selama mana ia tidak bertentangan dengan Islam.

Pada masa yang sama, kesambungan daripada *teori receptie exit* dan juga *teori receptie a contrario* pengkaji dapati terdapat satu lagi teori yang sesuai untuk menyangkal dakwaannya itu iaitu *teori eksistensi (teori kewujudan)*. Teori ini diperkenalkan oleh Ichtijanto SA bagi menerangkan adanya undang-undang Islam dan undang-undang Negara Indonesia. Menurut teori ini, kewujudan adanya undang-undang Islam dan hukum nasional itu ialah:

- a. Ada, dalam erti kata hukum Islam itu berada dalam hukum nasional sebagai sebahagian yang penting dalam hukum tersebut.

- b. Ada, dalam erti kata adanya kekuatan antara hukum Islam dan hukum nasional diakui di dalam hukum nasional.
- c. Ada dalam hukum nasional, dalam erti kata norma hukum Islam adalah sebagai penapis kepada hukum nasional.

Berdasarkan teori eksistensi (teori kewujudan) di atas, maka kewujudan hukum Islam dalam tata hukum nasional, merupakan suatu kenyataan yang tidak boleh ditentang kewujudannya. Bahkan lebih dari itu, hukum Islam merupakan bahan utama dari hukum nasional.

Bertitik tolak daripada dakwaan Hooker tersebut pengkaji akan menyangkal lagi dengan menjelaskan kedudukan adat dalam perundangan Islam. *Pertama*, adat telah diiktiraf sebagai sumber hukum Islam yang tidak disepakati. Penentuan hukum melalui sumber ini akan sentiasa berubah disebabkan pembentukannya adalah berasaskan kefahaman (fiqh) seseorang fuqaha yang rata-ratanya banyak dipengaruhi oleh realiti semasa dan setempat.

Justeru, mengenai konflik yang timbul tentang sumber ini hanyalah dari sudut penerimaannya sebagai sumber dasar dalam sejarah metodologi hukum di kalangan tokoh-tokoh mazhab terkemuka. Tetapi, hakikatnya dalam konteks sebenar ia masih diterimapakai. Namun begitu, kesemua hukum-hukum yang tidak disepakati ini terhimpun di dalam prinsip ijtihad yang dikenali sebagai kaedah berfikir dalam Islam. Kaedah ini berkait rapat dengan penetapan sesuatu hukum. Ini kerana, dalam membentuk sesuatu hukum para mujtahid perlu mengambil kira kehendak semasa dan setempat agar hukum yang terhasil sesuai dengan realiti masyarakat.

Kedua, adat sebagai salah satu sumber pembentukan hukum Islam di mana merangkumi kedudukannya sebagai:

- a) Asas penentuan hukum yang bersifat semasa berdasarkan suasana setempat sesebuah masyarakat

Setiap adat kebiasaan yang diamalkan oleh masyarakat boleh dijadikan sebagai sumber hukum tambahan selagi ianya tidak bertentangan dengan nas *syarak* dan syarat-syarat yang terkandung dalam teori *al-'urf wa al-'Adah*. Pengambaiannya akan menyebabkan berlakunya kerumitan dan kekeliruan. Manakala, penerimaannya sangat penting bagi merealisasikan gagasan Fiqh Malaysia.

- b) Asas penafsiran nas yang berbentuk umum

'*Urf* yang bersifat umum penting untuk mengetahui hukum-hukum fiqh yang tidak dinyatakan atau di terangkan secara terperinci di dalam nas *syarak*. Penafsiran segala isi kandungan nas *syara'* boleh dilakukan sama ada dalam bentuk penggunaan atau amalan kebiasaan tanpa berpandukan dari sudut bahasa *lughawiyyah* dengan mengikut kehendak '*urf*.

- c) Asas pentarjihan sebahagian pendapat fuqaha zaman klasik

Prinsip ini selalunya digunapakai dalam penentuan hukum yang berasaakan fatwa. Sebagai contoh senario di Malaysia menyatakan majoriti masyarakat di sini berpegang kepada mazhab Syafi'i. Jadi ia merupakan rujukan utama dalam penentuan kebanyakan fatwa di Malaysia. Namun begitu, di dalam membuat pentarjihan terhadap pendapat-pendapat dalam mazhab Syafi'i dan mazhab lain para mufti haruslah mendapatkan persetujuan sultan dan Majlis Agama Islam agar ianya bersesuaian dengan realiti masyarakat di Malaysia.

iii. Sistem Pewarisan Pusaka

Pelaksanaan adat ini mempunyai kelebihan dan hujahnya sendiri demi kebaikan anggota masyarakat yang mengamalkan adat tersebut. Setiap peraturan dalam Adat Perpatih ada perbilangannya dan setiap peraturan itu ada rasional atau sebab-sebab terjadinya hukum atau adat tersebut. Namun begitu, persoalan yang sering wujud mengenai Adat Perpatih adalah mengenai pemberian harta pusaka yang memberikan kelebihan kepada perempuan. Inilah satu-satunya isu dalam Adat Perpatih yang selalu disalah fahamkan termasuk Hooker sendiri.

Sebenarnya, pemberian pusaka yang dimaksudkan dalam adat ini ialah pemberian tanah adat. Tanah adat ini adalah tanah yang turun temurun daripada nenek moyang sesuatu keluarga. Tanah adat ini diberikan kepada perempuan dengan tujuan untuk menjaga kehormatan dan maruah kaum wanita Adat Perpatih. Manakala anak lelaki pula dianggap lebih teguh dan tahu untuk terus berusaha dan meneruskan hidup (survival). Meskipun begitu, mereka juga turut mendapat harta pusaka walaupun kebanyakan masyarakat tidak di dedahkan akan hal ini. Hasil positif daripada pengamalan Adat Perpatih ini ialah harta pusaka ini tidak terdagai dan tidak boleh dijual melainkan setelah dipersetujui oleh Dato' Lembaganya sendiri. Jika dijual pun hanya kepada waris yang terdekat dan sama sekali tidak boleh dijual kepada suku lain.

Pada dasarnya, adat ini adalah adat yang terbaik di Negeri Melayu kerana ia sangat mencakupi segala aspek. Keutamaan wanita di dalam Adat Perpatih sebenarnya lebih kepada mewarisi harta pusaka dan membawa darah keturunan. Namun demikian, harta sepencarian adalah milik bersama lelaki dan wanita yang di bahagi mengikut hukum Islam. Harta atau tanah yang diperolehi sebagai harta sepencarian maka pembahagiannya adalah menurut hukum faraid (tidak ada kena mengena dengan tanah adat yang hanya untuk perempuan sahaja).

Pembahagian harta pusaka yang melibatkan tanah kepada golongan perempuan di Negeri Sembilan sebenarnya tidak sama seperti pengertian pusaka sebagaimana yang difahami dalam Islam. Ini kerana, pemilikan harta pusaka di Negeri Sembilan lebih merupakan harta milik bersama bukannya harta milik persendirian yang kebetulan hanya dikhususkan kepada orang perempuan untuk menjaganya.

Sehubungan itu, hak pemilikan adalah elemen utama yang membezakan sistem adat ini dengan pusaka dalam Islam. Pendekatan terhadap amalan pembahagian tanah adat kepada golongan perempuan di Negeri Sembilan seharusnya dirujuk berdasarkan konsep wakaf khas yang telah diterima pakai dalam hukum fiqh Islam. Pengiktirafan undang-undang yang diberikan kepadanya juga merupakan bukti penerimaan adat ini tidak menyalahi hukum Islam dan pelaksanaannya perlu dikekalkan sebagai menghargai warisan adat Melayu.

iv. Falsafah Pebilangan Adat

Setiap falsafah perbilangan adat perlu difahami dengan sedalam-dalamnya dan jangan sesekali mengambilnya secara tersurat kerana ini akan membawa kepada timbulnya kekeliruan dan kesalah fahaman dalam tafsiran perbilangan tersebut. Sebaliknya, harus bagi kita untuk mempelajari apa yang tersirat sebenarnya. Hal ini kerana segala isi penting terletak pada yang tersirat yang perlukan penelitian dan penghayatan yang tinggi. Tanpa penelitian dan penghayatan tersebut kita tidak akan dapat melihat akan kepentingan setiap falsafah perbilangan ini.

Tambahan lagi, sifat hukum adat itu sendiri yang fundamental dan nilai falsafahnya yang tersirat membawa kepada penelitian yang mendalam. Jika dibuat perbandingan, kita dapati psikologi barat hanya mengkaji tingkah laku manusia sahaja bukannya jiwa manusia. Mereka sama sekali tidak mengambil kira tentang pengertian

falsafah jiwa, sifat-sifat dan pembentukannya. Hal ini menimbulkan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan psikologi Islam yang lebih mementingkan kepada pengkajian jiwa manusia itu sendiri dan segala yang berkaitan dengannya seperti nafs (jiwa), qalb (hati), roh dan aql (akal).

v. Sistem Perlembagaan Adat

Kepimpinan dalam Adat Perpatih yang melibatkan tugas Undang begitu penting sekali. Hal ini berikutan tugasnya yang merangkumi sebagai Ketua Adat, Ketua Luak dan Ketua Agama Islam. Tambahan lagi, jika dibandingkan antara sistem pemerintah adat dengan sistem pemerintahan Islam memang jelas terdapat kesamaan antara keduanya. Untuk itu, kita dapat lihat secara jelasnya bahawa sistem adat ini memang mempunyai hubungkait yang rapat dengan syarak.

Sementara itu juga, hubungan yang jelas antara adat dan syarak dalam sistem perlembagaan adat dapat dilihat pada konsep kata perbilang *'tali berpilin tiga'* atau *tungku tiga seterangan* bermaksud wujudnya golongan Datuk-Datuk Lembaga dan Penghulu, golongan alim ulama, dan golongan cerdik pandai. Justeru segala kenyataan atau dakwaan yang dilontarkan terhadap adat ini yang dikatakan bertentangan dengan Islam adalah tidak tepat sekali.

vi. Hubungkait Antara Adat dan Syarak

Dalam konteks ini, hubungan di antara adat dan syarak amat jelas bagi masyarakat Adat Perpatih. Bagi mereka tidak terdapat pun sebarang konflik atau kontradiksi di antara keduanya. Sebaliknya adat dan syarak itu saling melengkapi antara satu sama lain sepertimana perbilang ini: adat bersendi hukum, hukum bersendi

kitabullah, syarak mengata, adat memakai; merupakan perbilangan yang masyhur dalam menjelaskan kesalingan antara adat dan syarak. Kedua-dua pengaruh adat dan syarak ini sama-sama mementingkan kebajikan, kesempurnaan budi pekerti di dalam masyarakat, nilai muafakat, nilai moral dan hormat-menghormati.

Sementara bagi pihak adat pula, tidak timbul soal pertentangan antara adat dan syarak walaupun adat itu wujud lebih lama sebelum syarak di terima di dalam masyarakat adat. Bagi mereka syarak dianggap ‘pelengkap adat’ kerana adat ini khusus bagi peraturan-peraturan hidup di dunia sahaja. Sedangkan syarak adalah pelengkap bagi menuju kehidupan akhirat yang kekal abadi.

Sungguhpun begitu, adat yang telah lama berperanan mengatur kehidupan masyarakat Melayu tidak dihapuskan secara total, tanpa saring, tanpa tapis tetapi ia hanya diberi orientasi baru dan modifikasi seperlunya untuk disesuaikan dengan Islam. Proses penyesuaian adat dengan syarak ini dikenali sebagai ‘Islamisasi adat Melayu’ yang membawa kepada pengenalanpastian adat Islamiah dan adat jahiliah. Hubungkait antara adat dan syarak ini telah menjadikan adat sebagai sumber sekunder dalam proses penetapan hukum bagi isu atau masalah yang tidak dapat diselesaikan melalui dalil-dalil dalam al-Quran dan juga as-Sunnah.

5.3 CADANGAN DAN SARANAN

- i. Pengkajian tentang adat-adat yang diamalkan oleh orang Melayu hendaklah sentiasa diselidiki dan diperhalusi agar ianya selaras dengan prinsip-prinsip Islam.
- ii. Fuqaha tempatan hendaklah berperanan lebih aktif dalam usaha menentang gejala-gejala negatif yang masih lagi terkandung dalam adat yang diamalkan oleh orang Melayu. Ketiadaan usaha ini akan menyebabkan masyarakat Melayu terus leka dan menyanjung adat-adat tersebut.

- iii. Memperbanyak penulisan yang berkaitan dengan adat Melayu agar penulisan tersebut akan memberi impak dan sumbangan yang besar terhadap kefahaman sebenar tentang adat orang Melayu.
- iv. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu hendaklah memainkan peranan yang jelas dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat Melayu terutamanya amalan adat istiadat di kalangan masyarakat Melayu.
- v. Ungkapan adat yang masih tidak digali harus dibukukan secara bersungguh-sungguh, dikaji dan disebar kepada masyarakat pengamal adat. Melalui cara ini semua orang akan faham dan ini penting bagi mengelakkan pandangan negatif serta salah faham masyarakat terhadap adat ini.
- vi. Bagi kerajaan pula khususnya kerajaan negeri disarankan untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk memartabatkan semula Adat Perpatih ini. Satu badan khas perlu ditubuhkan sebagai contoh Penubuhan Institusi Adat perlu segera dijalankan supaya yang berkaitan dengan adat boleh diletakkan dalam bidang tugas institusi ini.
- vii. Penyelidikan, rakaman, kelas adat, cetakan buku dan apa sahaja yang berkaitan dengan adat perlu diperhebatkan. Jika ini terjadi masalah adat boleh dikurangkan dan mungkin boleh diselesaikan segera.
- viii. Dokumentari, drama dan filem yang ada kaitan dengan Adat Perpatih perlu dibuat segera. Ini boleh dijadikan mercu untuk menarik pelancong dan menaikkan martabat Adat Perpatih itu sendiri. Perlu dilantik panel penasihatnya terutama melalui institusi adat yang bakal ditubuhkan nanti.
- ix. Seminar dan kongres Adat Perpatih harus di adakan secara kerap. Penyertaan mestilah menyeluruh dari semua peringkat. Segala keputusan yang diambil harus dibawa ke pihak yang berkenaan dan dibukukan untuk tatapan ramai. Melalui seminar dan kongres ini perlu dibahaskan mengenai Kursus Pengajian Adat

Perpatih. Kursus seperti ini boleh bertindak untuk memajukan Adat Perpatih itu sendiri. Kursus ini dicadangkan dibuat di universiti tempatan.

- x. Perlu ada usaha yang jitu untuk menjadikan Adat Perpatih sebagai satu subjek di sekolah terutama di Negeri Sembilan. Harus dibuat sukatan dan buku panduannya. Pemimpin adat harus memainkan peranan untuk membantu sekolah bagi merealisasikan cita-cita ini. Sebagai contoh jika di Minangkabau dipanggil sebagai subjek 'Budaya Alam Minang.'
- xi. Menjauhkan dari sumber-sumber sentimen dan prasangka dalam mengkaji perbilangan adat.
- xii. Perbilangan Adat harus dikaji sebagai satu keseluruhan yang erat dan padu. Beberapa reference dan cross-reference harus di buat antara satu Perbilangan dengan yang lain supaya tiap-tiap satu Perbilangan itu dapat diberikan erti dan tempatnya yang wajar. Interpretasi yang tepat dan lengkap hanya dapat dibuat dalam konteks seluruh Perbilangan Adat dan seluruh sistem falsafah dan sosial masyarakat Adat.
- xiii. Institusi pengajian tinggi boleh memberikan sumbangan dan memperbanyakkan kajian-kajian dan penyelidikan yang berhubung dengan Adat Perpatih. Ini adalah penting kerana kebanyakan dari fakta-fakta sejarah yang ada kaitannya dengan kedudukan Adat Perpatih di Negeri Sembilan berlaku salah faham.
- xiv. Pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang berasal dari Negeri Sembilan dan mempunyai susur galur keturunan anak Waris Berpusaka hendaklah digalakkan dan diberi tempat untuk berkhidmat di Negeri Sembilan. Adalah menyakinkan bahawa golongan yang dianggap mempunyai kemampuan serta potensi untuk memimpin boleh memainkan peranan dari segi menyuburkan kembali kefahaman mengenai perjalanan Adat Perpatih.

5.4 KESIMPULAN

Adat Perpatih merupakan satu adat yang murni dan tersusun rapi dengan kata-kata perbilangan yang indah. Adat ini telah membuktikan bahawa tiada unsur penindasan serta tiada unsur pertentangan apabila cuba menerima syarak dalam kehidupan masyarakat adat. Walaupun di pihak barat mereka mendakwa wujudnya pertentangan yang sengit antara adat dan syarak yang melibatkan isu seperti harta pewarisan pusaka, sistem perbilangan adat serta sistem perlembagaan.

Justeru, tugas kita hari ini haruslah berpadu tenaga untuk memartabatkan institusi adat dengan berpandukan ilmu yang mantap dan meluas. Dengan melakukan pengkajian yang meluas dan mendalam terhadap adat itu sendiri, maka tidak mustahil kita dapat membina kembali alam budaya kita untuk menghadapi cabaran dan tentangan zaman kini.